

HALAMAN KAUM IBU

PESANKU...WAHAI ANAKKU PEREMPUAN

Makalah ini ditulis oleh seorang bapa yang mencintai anak-anak permpuannya jenis yang lemah-lembut – supaya mereka berhati-hati daripada terjebur ke dalam pergolakkan moden palsu dan angkara bersosial yang tidak berbatas, yang biasanya bukan sahaj melanggar ajaran agama bahkan juga merosakkan adat istiadat dan sopan santun yang terpuji.

Rencana yang berharga ini ialah buah pena Tuan ‘Alī Ṭanṭāwī anggota Mahkamah Tinggi Syria yang tersiar di dalam Majalah “*al-Muslimun*”.

(Dimelayukan oleh Ahmad Ṣanahājī)

Aku sedang melangkah ke usia lima puluh, anakku.

Aku lepaskan sudah masaku yang muda, aku hantarkan pergi ianya dengan segala kenangan dan impiannya. Aku juga telah puas mengembara. Banyak orang yang ku jumpai, banyak pengalaman yang ku dapati mengenai soal-soal dunia.

Dengarlah seruanku ini anakku. Hanya sepatah kata yang terus terang, aku petik dari bilangan usiaku, aku peroleh dari banyaknya pengalamanku, yang belum pernah lagi engkau dengar daripada orang lain.

Banyak sudah kami tulis, banyak sudah kami seru, supaya orang suka memperbaiki akhlak, gemar memperinggi budi pekerti, cergas menghapuskan kejahatan, tegas menindas nafsu dan syahawat. Hinggakan timbul qalamku, hinggakan kelu lidahku.

Tetapi sayang....setiap akhlak kami bina, setiap itu pula akhlak runtuh. Setiap kejahatan kami hapuskan, setiap itu pula kejahatan merebak, malah mencegah dengan hebatnya ke seluruh daerah dan negeri. Hinggakan tak ada lagi pada hematku sebuah negeri Islam

yang dapat tertolong dari jangkitannya. Hinggakan Syam negeri yang dahulunya terkenal dengan selendang labuhnya, terkenal dengan kehormatan maruahnya, dan sangat rapi menutup tubuh auratnya. sekarang perempuan-perempuannya telah berani keluar berdedah, terhurai rambut, tersingkap lengan dan dada dengan segala perhiasannya.

Usaha kami telah gagal, dan tak akan menjangka yang kami boleh berjaya. Tahukah engkau wahai anakku kenapa begitu? Ialah kerana kami hingga ke hari ini belum lagi bertemu dengan pintu islah (perbaikkan) dan tak tahu kami jalannya. Pintu islah anakku, sebenarnya sedang ada di hadapanmu dan anak kuncinya pun ada di tanganmu. Jika kau percayakan adanya dank au berusaha memasukinya, selesailah sudah urusan islah itu.

Betul, lelaki itulah orangnya yang pertama-tama melangkahkan kakinya ke jalan kejahatan bukannya perempuan, tetapi kalau tidaklah perkenanmu masakan lelaki akan berani, kalau tidaklah lemahmu masakan lelaki akan berkeras. Engkau yang membuka pintu maka berani ia masuk. Jelas engkau yang persilakan si pencuri dan bila engkau kecurian, engkau memekik

meminta tolong!

Kalau engkau tahu semua lelaki itu serigala sedangkan engkau pula menjadi kambing tentu engkau lari seperti kambing takutkan serigala.

Dan kalau engkau tahu mereka semuanya pencuri, tentu engkau akan berjaga-jaga bagaikan si kikir berjaga-jaga takutkan hilang hartanya.

Bagi seekor serigala, yang dikehendaknya daripada kambing itu hanyalah dagingnya, sedang bagi si lelaki yang dikehendaknya darimu ialah semahal-mahal perhiasan kehormatanmu yang akan melebihi dari harga daging dan nyawa di sisi kambing, dan yang jauh melebihi celaknya dari maut yang diterima oleh kambing itu dari serigala yang telah memperkosanya.

Jangan anakku percaya apa yang dikatakan oleh kaum lelaki bahawa mereka tidak memandang kepada perempuan melainkan akhlakunya dan adab sopannya, dan bahawa mereka hanya mengajaknya bertukar-tukar fikiran untuk bersahabat dan bekenal-kenalan; jangan percaya anakku, itu adalah semata-mata dusta!

Kalau engkau akan dengar bualan pemuda-pemuda sesama sendiri nescaya engkau akan gentar ketakutan mendengarnya. Suatu senyum dari pemuda, sepatah kata daripadanya kepadamu dan suatu khidmatnya yang dibuatnya keranmu tiadalah lain daripada suatu perangkap yang dipasangnya.

Selepas itu bagaimana kesudahan wahai anakku, cubalah kau renungkan, nikmat yang engkau kecap berdua hanya saat tadi, baginya sekejap sahaja telah dilupakannya, sedang hati engkau terus remuk redam berulam jantung kesedihan. Ia akan mencari mangsanya yang lain pula yang akan ditakluki dan ditawannya sehingga senasib seperti engkau. Keadaanmu selepas itu akan berubah. Engkau rasakan berat dalam kandungan – terasa telah berbadan dua. Duka telah mengelilingimu – arang telah terecur yang di keningmu.

Mendirikan rumah tangga adalah cita-cita yang utama bagi tiap-tiap seorang perempuan, walaupun ia duduk di kerusi

parlimen atau memegang kuasa pemerintahan, pada hal perempuan yang telah ternoda, yang telah cemar nama baiknya, tidak ada siapa yang ingin hendak menjadikannya isteri, sehinggakan lelaki yang telah merosakkan kehormatannya tidak sudi beristerikan seorang perempuan yang rendah budinya, yang akan dijadikan permaisuri rumah tangga dan ibu bagi anak-anaknya.

Anak-anak perempuanku zaman sekarang!

Aku tidak meminta supaya anak-anaku pada hari ini dengan sekali gus menjadi perempuan Islam menurut keadaan perempuan-perempuan Islam yang sebenar-benarnya, tidak. Saya tahu melompat dengan begitu adalah mustahil. Tetapi saya harap supaya anak-anak ku berbalik kepada kebajikan setapak demi setapak sebagaimana telah melangkah kepada kejahatan setapak ke setapak. Anak-anakku telah meningkatkan pakaian sedikit demi sedikit, tudung muka telah ditipiskan sehingga membayang kelas apa yang disebaliknya. Dan telah tekun bekerja kerana perubahan ini dengan menepuh masa yang terlalu lanjut, sedang kaum lelaki tidak sedar akan hal ini. Surat-surat akhbar dan majalah yang lucah berlumba-lumba menganjurkannya. Orang-orang fasik bergembira memberikan sambutannya yang terakhir kita telah sampai ke peringkat yang tak diredhai oleh Islam – tak diredhai oleh Agama Nasrani, malah tidak dibuat oleh orang-orang Majusi yang pernah kit abaca cerita mereka di dalam tarikh – bahkan keperingkat yang binatang-binatang pun tak sudi menirunya.

Dua ekor ayam jantan bila bertemu dengan seekor ayam betina, keduanya akan berjuang kerana didorong oleh rasa cemburu tetapi berlainan pula halnya yang berlaku di tempat-tempat mandi pantai Iskandariah dan Beirut (dan merata-rata -P.Q). Di situ terdapat lelaki Islam tak ada merasa cemburu bila isteri-isteri mereka dilihat oleh orang lain.

Bukan melihat muka, bukannya tangan, bukan sahaja leher, bahkan hampir-hampir semua badan akan dilihat, dikecualikan dua sahaja yang tidak. Itu pun kerana

sangat hodoh bila terdedah.

Di kelab-kelab malam, di hotel-hotel dan di tempat-tempat keramaian yang dikunjungi oleh golongan-golongan yang maju dan moden, lelaki Islam mempelawa orang asing berdancing dengan isteri-isteri mereka. Dibenarkannya isterinya dipeluk hingga bertemu dada dama dada, beradu perut – sama perut, beradu pipi sama pipi – berpaut-pautan. Seorang pun tak berasa penting – seorang pun tak ada yang melarang.

Di sekolah-sekolah tinggi, pemuda dan pemudi Islam sama bebas duduknya, sama bebas auratnya, taka da seorang bapa Islam atau seorang ibu Islam yang mengingkarkannya. Begitulah seterusnya.

Hal yang serupa ini amat banyak – tak dapat dihindarkan dalam sehari – tidak pula dapat sekali lompat secara kilat, malahan hendak kita berbalik semula ke jalan yang benar, meskipun jalan itu kita dapati terlalu jauh sekarang, tetapi tentu sesiapa yang tidak melalui jalan yang panjang yang tidak ada selain, tidak akan sampai selamanya.

Elok kita mulai memerangi percampuran atau bersosial yang tidak terbatas. Percampuran adalah lain daripada berdedah. Aku tak melarang berdedah muka kiranya yakin tak mendatangkan fitnah. Dan aku rasa bagi menghindarkan fitnah dengan cara yang digunakan di negeri Syam iaitu memakai hijab tidaklah dapat dikatakan elok – kerana pakaian itu dikenakan sekadar menutup anggota-anggota yang cacat sahaja dan menambahkan kecantikan serta memerbahayakan pula bagi yang memandang.

Berdedah sekiranya hanya terhadap muka sahaja tidaklah mengapa tetapi jika bertutup lebih elok. Sedang percampuran pula lain halnya – tak mesti dengan sebab berdedah seorang gadis akan bercampur gaul dengan lelaki lain yang bukan muhrimnya – atau si isteri semasa suaminya tiada. Di rumah melayani lelaki lain di rumahnya sekalipun lelaki itu sahabat suaminya. Demikian juga tidak mesti

memberi hormat kepadanya apabila terserempak dalam terima atau bertemu di jalan. Tidak pula mesti seorang gadis berjabat tangan dengan lelaki meskipun kawan sepelajar dalam universiti, atau berjalan bersama-sama atau pun menderas pelajaran bagi peperiksaan bersama.

Adakah mereka sudah lupa bahawa Tuhan menjadikan mereka yang ini lelaki dan yang itu perempuan dijadikan keduanya masing-masing mempunyai rasa saling berhati di antara satu dengan yang lainnya?

Maka tidaklah si lelaki atau si perempuan atau pun sesiapa di muka bumi ini yang boleh mengubah peraturan Tuhan yang telah ditetapkan itu. sekalipun kedua jenis itu sepakat berikhtiar hendak menghilangkan dan membunuh rasa berhati yang ada pada diri mereka masing-masing. Orang-orang yang menganjurkan bercampur gaul antara lelaki dan perempuan sebagai langkah kepada kemajuan adalah mereka pendusta dari segi:

Yang pertama: mereka berdusta kerana mereka tidak menghendaki daripada yang demikian melainkan memuaskan nafsu mereka, melainkan rasa keberahian mereka dan dengan itu tercapailah rindu dendam yang diidam-idam oleh mereka. Tetapi semua mereka itu pengecut tak berani berterus terang kerana tak sanggup bertanggungjawab akan perbuatan mereka. Mereka hanya mengaburi mata orang ramai dengan kata-kata kosong tidak berisi. Mereka suarakan ini kemajuan, begini caranya hidup dalam zaman moden, beginilah mestinya duduk di universiti, dengan suara mereka nyaring dan lantang, tetapi itu hanya tin kosong.

Yang kedua, mereka berdusta; kerana Eropah yang mereka jadikan kiblat tempat mereka mendapat hidayah, sebenarnya mereka itu tak mahu mengakui kebenaran melainkan yang bercap dengan cap eropah, kerana kebenaran menurut pandangan mereka bukanlah yang bertentangan dengan salah. Malah kebenaran itu ialah apa yang datang dari Paris, dari Berlin, dan dari New York. Meskipun merupakan *dancing* dan

tingkah laku yang menyolok mata, bercampur gaul dalam universiti, berdedah bergaul di tepi pantai. Sebaliknya mereka pandang perkara yang salah dan buruk itu adalah semuanya datang dari sini, dari sekolah-sekolah tinggi Azhar dan al-Amwa, dari tempat-tempat pengajian Islam, dari masjid-masjid tempat ibadah. Sekalipun merupakan pembelaan kehormatan diri, merupakan hidayah dan petunjuk, merupakan kesucian rohani dan jasmani.

Sebenarnya di Eropah dan Amerika sebagai yang telah terbukti dan disaksikan, terdapat beberapa banyak di sana keluarga yang baik-baik tak mengingini bahkan tak redha dengan adanya campur gaul yang tidak berbatas itu. Di bandar Paris yang besar itu banyak bapa-bapa dan ibu-ibu yang tak membenarkan anak-anak perempuan mereka yang telah remaja berjalan bersama-sama pemuda-pemuda. Apa lagi menemani mereka menonton wayang bersama-sama.

Bahkan mereka tak membenarkan menonton wayang gambar melainkan sesudah mereka ketahui isi ceritanya bersih dari pengaruh yang jahat dan keji lagi rendah. Tetapi sayang pada hari ini di sini, hampir tak terdapat satu filem pun yang bersih dari pengaruh-pengaruh yang amat keji itu yang tak pula segan penerbitannya (di Mesir) mendakwakan itulah dianya kesenian dalam dunia filem dapa hal yang sebenarnya mereka itu jahil dalam soal ini sebagaimana jahilnya mereka di dalam soal agama.

Mereka yang berdusta tadi mengatakan bahawa dengan jalan bercampur gaul di antara lelaki dan perempuan itulah dapat dihindarkan bahawa syahawat, dapat terdidik dengan baik budi pekerti dan dapat dimatikan nafsu berahi mereka.

Di sini aku halakan mereka bagi menerima jawapannya daripada Rusia yang telah mengalami dan yang telah menyaksikan hasil bercampur gaul lelaki perempuan dalam sekolah, Rusia yang tak pernah mengenal agama dan tak pernah mendengar seruan-seruan paderi, tidakkah negara itu telah rujuk daripada percubaan setelah dia melihat keburukannya? Dan di Amerika pula, tidakkah

pernah engkau baca surat-surat khabar di sana yang menyatakan bahawa salah satu kesulitan yang sedang dihadapi Amerika ialah tentang makin bertambahnya penuntut-penuntut perempuan yang mengandung dengan tidak tentu bapanya? Siapakah di antara orang-orang Islam yang suka kepada kejadian-kejadian yang serupa ini?

Aku tidak mengajak bercakap-cakap dengan pemuda-pemuda dan aku tidak mengharap kata-kata ku dengar mereka – kerana aku dengan ini telah menyebabkan mereka berang.

Tetapi aku berkata-kata kepada kamu wahai anak-anakku perempuan. Anak-anak perempuanku yang taat dan berbakti, yang pandai menjaga kehormatan dan maruah diri, kerana tidak ada siapa yang akan menjadi korban kelak melainkan golongan kamu jua, golongan yang lemah lembut. Janganlah kamu hendak menjadi mangsa pemuda-pemuda, janganlah sampai hendak engkau tertipu oleh kata-kata mereka yang bertopengkan dengan kebiasaan dan kemajuan. Kerana kebanyakan mereka itu lelaki yang tak mempunyai anak dan isteri, bagi mereka hanya kelazatan habis manis sepah dibuang.

Sesungguhnya aku ini seseorang bapa bagi empat orang anak perempuan, kalau aku membela kamu beerti aku membela anak-anakku sendiri. Dan aku harap kamu selamat sebagaimana yang aku harap bagi anak-anakku sendiri.

Inilah nasihatku yang ku pesankan kepada engkau, inilah dia nasihat yang hak, selain daripada itu jangan engkau dengar. Ketahuilah anakku bahawa tanggungan ini terletak di atas bahu engkau sendiri, bukan di atas bahu kami orang lelaki, kunci pintu islah ada di tangan engkau sendiri. Kalau engkau mahu, engkau akan dapat memperbaiki nasibmu dan nasib umat seluruhnya.